



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 8 pagi pada 3 Februari 2024.

Untuk Terbitan Media
3 Februari 2024

SIARAN MEDIA

PERKESO SEGERAKAN PEMBAYARAN FAEDAH KEPADA WARIS GILLIAN DONALD ALERT: PERKESO TANGGUNG KOS PENGURUSAN JENAZAH

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan menyegerakan pembayaran Faedah Pencen Penakat kepada waris keluarga Gillian Donald yang meninggal dunia akibat terhidu asap berlebihan selepas menyelamatkan jirannya tujuh sekeluarga dalam kebakaran baru-baru ini di Merinding *Garden*, Labuan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, hasil semakan PERKESO mendapati, alahyarham Gillian, 41, merupakan Orang Berinsurans bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

“Berikutan itu, beliau layak menerima faedah PERKESO iaitu Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2,000 secara sekali bayar serta Faedah Pencen Penakat yang dalam proses memuktamadkan jumlahnya sebelum pembayaran dibuat kepada waris beliau.

”Isteri, Siti Juana Maarop, 39, serta tiga orang anak berumur 4 hingga 15 tahun akan menerima Faedah Pencen Penakat untuk sepanjang hayat sehingga tiga anaknya berusia 21 tahun jika belum berkahwin dan boleh

dilanjutkan sekiranya menyambung pengajian ke peringkat ijazah pertama,” jelasnya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

PERKESO menzahirkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga allahyarham dan berharap bantuan yang dihulurkan dapat sedikit sebanyak meringankan beban yang ditanggung dalam usaha meneruskan kehidupan tanpa insan tersayang.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

3 Februari 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my